



WANITA MELAYU SINGAPURA PERTAMA DAKI EVEREST

'Saya tergolek... hampir hilang nyawa'

► **NUR FATHIN AWALLUDIN**
nfathin@sph.com.sg

BAGAIMANAKAH pemandangan dari puncak tertinggi di dunia, Gunung Everest?

Kebanyakan orang tidak boleh menjawab soalan itu. Namun, Cik Nur Yusrina Ya'akob tidak termasuk dalam golongan 'orang kebanyakan' itu.

"Oh, pemandangannya memang menakutkan... Anda betul-betul boleh lihat lekuk bumi ini," jawab Cik Nur Yusrina – wanita Melayu Singapura pertama menawan Gunung Everest.

Soalan itu ditanyakan kepadanya dalam sidang media di Institut Pendidikan Nasional (NIE), Nanyang Walk, semalam.

Ada pepatah Inggeris bermaksud 'pemandangan terbaik datang setelah pendakian paling sukar'. Nampaknya, ia menggambarkan dengan tepat kejayaan Cik Yusrina, 30 tahun, dalam percubaan keduanya menakluki gunung di Nepal itu.

Percubaan pertamanya terpaksa dibatalkan secara mendadak disebabkan gempa bumi melanda Nepal pada 2015.

Akhir Mac lalu, beliau kembali ke Gunung Everest, kali ini dengan Pasukan Everest Universiti Teknologi Nanyang (NTU)-NIE Singapura.

Pasukan itu dianggotai Dr Arjunan Saravana Pillai, 47 tahun, zamil pengajaran NIE di NTU; Cik Yusrina, seorang guru pelatih yang sedang mengikuti kursus diploma pendidikan dalam bidang pendidikan jasmani di NIE; dan Encik Jeremy Tong, 26 tahun, lulusan program Sains Sukan dan Pengurusan NTU.

"Ini pengalaman epik bagi saya. Saya amat berterima kasih dapat mendaki Everest lagi setelah apa yang berlaku pada 2015. Saya rasa ini bukan ekspedisi yang berjaya bagi saya sahaja, malah seluruh pasukan kami," kata Cik Yusrina.

Namun, kejayaan itu bukanlah tanpa cabaran. Nyawanya pada satu ketika seperti telur di hujung tanduk, atau lebih tepat lagi, pada hujung tali, ujarnya.

"Dalam perjalanan menuruni puncak, seorang pendaki terjatuh dan saya turut terjatuh bersamanya. Saya tergolek ke bawah,

itulah saatnya saya hampir kehilangan nyawa saya," cerita Cik Yusrina.

Mujur ada tali penyelamat yang dipasang pada setiap pendaki, tambahnya. Beliau berkata dirinya seolah-olah tercampak 'keluar' daripada gunung tersebut, tetapi tali penyelamatnya tersangkut lalu menyebabkan beliau mendarat di batu.

Pengalaman hampir mautnya itu mengingatkan beliau terhadap kuasa yang jauh lebih besar daripada dirinya.

Maka tidak hairanlah ketika berada di puncak tertinggi dunia pada ketinggian 8,848 meter itu, Cik Yusrina meletak dahinya ke tanah, melakukan sujud syukur.

Malah, bagi beliau, keseluruhan pengalaman itu lebih kepada "perjalanan kerohanian yang (mengajar saya) meletakkan keyakinan dan kepercayaan pada Tuhan".

"Saya bukan seorang yang sangat warak, tetapi pengalaman saya mengajar saya berserah dan meletakkan kepercayaan pada Allah. Saya banyak berdoa dan saya rasa benar-benar terpelihara," ujar wanita kecil molek itu.



KEJAYAAN KUMPULAN: Cik Yusrina menganggap kejayaannya sampai ke puncak Everest bukan kejayaannya seorang sahaja, tetapi kejayaan rakan sepasukannya juga, iaitu Dr Arjunan Saravana Pillai dan Encik Jeremy Tong. – Foto ZALEHA ABDUL KADER